



KENYATAAN MEDIA

PERKESO TUMPU KELESTARIAN ALAM SEKITAR SEBAGAI PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

SEPANG – Pandemik COVID-19 tidak menghalang **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** untuk meneruskan penganjuran program **Tanggungjawab Sosial** bersempena dengan **Sambutan Jubli Emasnya**, tahun ini.

Tampil dengan tema **pelestarian alam sekitar**, **dua (2)** program CSR telah dijalankan sebagai inisiatif agensi di bawah **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** ini untuk memupuk kesedaran terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dalam kalangan anggotanya dan juga Keluarga Malaysia.

Program pertama yang telah dilaksanakan tertumpu kepada usaha pelestarian ekosistem lautan dan tumbuh-tumbuhan menerusi **Program Penanaman Semula Pokok Bakau**. Program ini telahpun berlangsung pada **15 Disember** yang lalu dan dihadiri serta dirasmikan oleh **Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan**.

Turut hadir dalam program tersebut adalah **Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (Dasar dan Antarabangsa), Encik Maniam Arumugam** dan **Ketua Eksekutif PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed**. Seramai **90** anggota PERKESO turut menyertai dan menyumbang tenaga menanam pokok bakau di sekitar kawasan **Sungai Besar, Sepang**.

Selain aktiviti menanam pokok bakau, aktiviti **“river cruise”** turut diadakan kepada para peserta bagi membolehkan mereka menikmati keindahan habitat semula jadi flora dan fauna di kawasan ekosistem paya bakau, selain melihat tarikan rumah rakit yang dibina di sepanjang Sungai Besar Sepang.

Program CSR kedua pula meliputi **aktiviti pembersihan pantai** di **Pantai Bayu Laut** yang diertai oleh seramai **114** anggota PERKESO. Program tersebut telah dirasmikan oleh **Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi) PERKESO, Encik John Riba Marin**, hari ini.

Untuk mendidik dan menerapkan tabiat kitar semula, peserta program ini turut ditekankan dengan kepentingan mengasing dan mengitar semula sampah sarap yang telah dikumpulkan semasa aktiviti pembersihan pantai. Aktiviti pembersihan di pesisir pantai ini telah berjaya mengumpulkan tidak kurang **465 kilogram (kg)** sisa buangan seperti cebisan plastik, bahan pembukusan, botol kaca, tin minuman, selipar, puntung rokok dan sebagainya dalam masa kira-kira **tiga (3) jam**. Menerusi penganjuran aktiviti CSR ini, ia diharap dapat meningkatkan rasa tanggungjawab anggota dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan mengurangkan pencemaran atau penghasilan sisa buangan khususnya di lokasi tumpuan pelancong.

Program-program CSR ini dilaksanakan sebagai salah satu usaha PERKESO bagi memupuk kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan anggota khususnya dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem serta biodiversiti flora dan fauna, selain membudayakan amalan pelestarian alam sekitar agar generasi akan datang dapat turut menikmati keindahan dan manfaat sumber alam yang tidak ternilai ini.

Penganjuran aktiviti seperti ini juga adalah berselari dengan moto organisasi ini iaitu 'PERKESO itu Prihatin, Prihatin itu PERKESO'. Keprihatinan yang ditonjolkan bukan sahaja untuk melindungi golongan pekerja dan majikan di negara ini, malah turut meliputi inisiatif melindungi dan memelihara alam sekitar serta flora dan fauna di muka bumi ini.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi Strategik

18 Disember 2021

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi En Shafiq Adnan di talian 018-324

6720 atau En S. Retnanathan di talian 016-255 5602.
